

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 28 MAC 2018

RUJUKAN : 10614

SOALAN:

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kewajaran mengambil rakaman percakapan Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali oleh PDRM pada 26 Januari 2018 dan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang mendakwa beliau.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

PDRM telah menjalankan siasatan berkait Dang Wangi Repot 24467/17 berkenaan himpunan “Wanita Bantah Politik Toksik” yang diadakan di hadapan Kompleks Maju Junction, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 10 September 2017.

Percakapan YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah diambil sebagai keperluan untuk melengkapkan kertas siasatan memandangkan beliau turut hadir bersama penama-penama lain dalam perhimpunan tersebut.

Persoalan sama ada beliau akan dituduh atau sebaliknya adalah di bawah bidang kuasa Peguam Negara. PDRM hanya menyiasat dan melengkapkan siasatan sahaja.